

AGREEMENT
BETWEEN
THE GOVERNMENT OF THE REPUBLIC OF PERU
AND
THE GOVERNMENT OF MALAYSIA
ON ECONOMIC, SCIENTIFIC AND TECHNICAL CO-OPERATION

THE GOVERNMENT OF THE REPUBLIC OF PERU AND THE GOVERNMENT OF MALAYSIA, hereinafter referred to singularly as "Contracting Party" and collectively as "Contracting Parties",

RECOGNIZING their desire to strengthen the existing friendly relations between the two countries,

DESIRING to promote economic, scientific and technical co-operation on the basis of equality and mutual benefit,

BELIEVING that the establishment of such co-operation would serve their common interest and contribute to the enhancement of the economic and social development of the people of both countries.

HAVE AGREED AS FOLLOWS:

ARTICLE I

The Contracting Parties shall, subject to the laws and regulations for the time being in force in their respective countries, undertake to encourage and promote the development of economic, scientific and technical co-operation between the two countries for their mutual benefit.

ARTICLE II

The co-operation referred to in Article I may include, upon mutual agreement taking into consideration the experience to be gained and the benefits to be derived therefrom and subject to the availability of funds and resources, co-operation in the following areas:

- (a) trade;
- (b) investment;
- (c) industry;
- (d) transport and communications;
- (e) banking and finance;
- (f) science and technology;

- (g) Agriculture and Agribusiness;
- (h) Information; and
- (i) any other areas that may be agreed upon by the Contracting Parties.

ARTICLE III

The Contracting Parties shall endeavour to encourage and facilitate the exchange between the two countries, using any bilateral mechanism or the Technical Cooperation Between Developing Countries (TCDC), of experts, specialists, consultants and information related to the areas of co-operation referred to in Article II of this Agreement.

ARTICLE IV

The Contracting Parties shall conclude specific agreements for the purpose of the implementation of programme or projects to be undertaken pursuant to the provisions of this Agreement. Such agreements shall inter alia define the relevant modalities regarding the programme or projects concerned.

ARTICLE V

All payments to be made under this Agreement or any other agreement made pursuant to this Agreement shall be effected in freely usable currency that may be mutually agreed upon by the Contracting Parties in accordance with the foreign exchange controls and any relevant legislation in force in their respective countries.

ARTICLE VI

Each Contracting Party shall undertake to observe the confidentiality or secrecy of documents, information and other data received during the period of the implementation of this Agreement or any other agreement made pursuant to this Agreement.

ARTICLE VII

The Contracting Parties shall establish a Joint Commission, hereinafter referred to as "the Commission", to facilitate the implementation of the provisions of this Agreement and to further expand the economic, scientific and technical co-operation between

the two countries in areas of mutual interest and benefit taking into account the advantages as well as the comparative capabilities of each Contracting Party.

ARTICLE VIII

The Commission shall consider ways and means to promote and enhance the co-operation between the two countries and ensure the proper co-ordination and implementation of its decision or recommendation made pursuant to this Agreement.

ARTICLE IX

The Commission shall be at the level of Foreign Ministers and the composition of each delegation shall be determined by the respective Contracting Parties.

ARTICLE X

The Commission shall determine its rules and procedures and may establish working groups to deal with specific subjects brought before it.

ARTICLE XI

The Commission shall meet, subject to mutual agreement, at the request of either Contracting Party, alternately in Peru and in Malaysia.

ARTICLE XII

A meeting at the level of Senior Officials shall precede the meeting of the Commission which shall consider specific questions and make appropriate recommendations relating thereto for the consideration of the Commission. The venue and time of such meeting shall be determined by the Contracting Parties.

ARTICLE XIII

Either Contracting Party may request in writing a revision of or amendment to this Agreement. Any revision or amendment agreed to by both Contracting Parties shall be reduced in writing and shall form part of this Agreement. Such revision or amendment shall come into effect on such date as may be determined by both Contracting Parties.

ARTICLE XIV

Any difference or dispute arising out of the interpretation or application of the provisions of this Agreement shall be settled amicably by consultation or negotiation between the Contracting Parties without reference to any third party or international tribunal.


ARTICLE XV


(1) This Agreement shall enter into force on the date of signature and shall remain in force until such time as when it is terminated by either Contracting Party by giving to the other notice in writing, through diplomatic channels, of its intention to terminate the Agreement, at least six months prior to the intended date of termination.

(2) The termination of this Agreement shall not affect any agreement or undertaking concluded or entered into during the duration of this Agreement which shall be fulfilled in accordance with the provisions of such agreement or undertaking.

IN WITNESS WHEREOF, the undersigned, being duly authorised by their respective Governments, have signed this Agreement.

DONE at Kuala Lumpur on this thirteen day of November 1991, in six original texts, two each in Bahasa Malaysia, Spanish and English languages, all texts being equally authentic. In the event of any discrepancy, the English text shall prevail.


FOR THE GOVERNMENT OF
THE REPUBLIC OF PERU


FOR THE GOVERNMENT OF
MALAYSIA

PERJANJIAN
DI ANTARA
KERAJAAN REPUBLIK PERU
DENGAN
KERAJAAN MALAYSIA
MENGENAI KERJASAMA EKONOMI
SAINTIFIK DAN TEKNIKAL

KERAJAAN REPUBLIK PERU DAN KERAJAAN MALAYSIA,
kemudian daripada ini disebut tiap-tiap satunya sebagai
"Pihak Pejanji" dan secara kolektif sebagai
"Pihak-Pihak Pejanji",

MENGIKTIRAFKAN hasrat mereka untuk mempereratkan
hubungan baik yang sedia ada diantara kedua-dua negara,

DENGAN HASRAT untuk menggalakkan kerjasama
ekonomi, saintifik dan teknikal atas asas kesamarataan
dan faedah bersama,

DENGAN MEMPERCAYAI bahawa penubuhan kerjasama
sedemikian akan memenuhi kepentingan bersama mereka dan

menyumbang kepada peningkatan pembangunan ekonomi dan sosial rakyat kedua-dua negara.

TELAH BERSETUJU SEPERTI BERIKUT :

PERKARA I

Pihak-Pihak Pejanji hendaklah, tertakluk kepada undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa di negara-negara mereka masing-masing, mengakujaji untuk mempergiatkan dan menggalakkan pembangunan kerjasama ekonomi, saintifik dan teknikal di antara kedua-dua negara bagi faedah bersama mereka.

PERKARA II

Kerjasama yang disebut dalam Perkara I boleh meliputi, atas persetujuan bersama dengan mengambil kira pengalaman yang akan diperolehi dan faedah yang akan diperolehi daripadanya dan tertakluk kepada adanya wang dan sumber-sumber, kerjasama dalam bidang-bidang yang berikut:

- (a) perdagangan;
- (b) pelaburan;
- (c) perindustrian;
- (d) pengangkutan dan komunikasi;

- (e) bank dan kewangan;
- (f) sains dan teknologi;
- (g) pertanian dan perniagaan
pertanian;
- (h) maklumat; dan
- (i) apa-apa bidang lain yang
dipersetujui oleh Pihak-Pihak
Pejanji.

PERKARA III

Pihak-Pihak Pejanji hendaklah berusaha untuk mempergiatkan dan mempermudah pertukaran di antara kedua-dua negara, menggunakan apa-apa mekanisma dwipihak atau "Technical Cooperation between Developing Countries" (TCDC), akan pakar-pakar, ahli-ahli, perunding-perunding dan maklumat berhubungan dengan bidang-bidang kerjasama yang disebut dalam Perkara II Perjanjian ini.

PERKARA IV

Pihak-Pihak Pejanji hendaklah membuat perjanjian tertentu bagi maksud pelaksanaan program atau projek-projek yang hendak diusahakan menurut peruntukan-peruntukan perjanjian ini. Perjanjian

sedemikian hendaklah antara lainnya mentakrifkan modaliti-modaliti relevan mengenai program atau projek-projek berkenaan.

PERKARA V

Segala pembayaran yang hendak dibuat di bawah Perjanjian ini atau mana-mana perjanjian lain yang dibuat menurut Perjanjian ini hendaklah dilaksanakan dalam matawang yang boleh digunakan secara bebas yang dipersetujui bersama oleh Pihak-Pihak Pejanji mengikut kawalan-kawalan pertukaran asing dan mana-mana perundangan relevan yang berkuatkuasa di negara-negara mereka masing-masing.

PERKARA VI

Setiap Pihak Pejanji hendaklah mengakujaji untuk mematuhi sulitnya atau kerahsiaan dokumen-dokumen, maklumat dan data lain yang diterima selama tempoh pelaksanaan Perjanjian ini atau mana-mana perjanjian lain yang dibuat menurut Perjanjian ini.

PERKARA VII

Pihak-Pihak Pejanji hendaklah menubuhkan suatu Suruhanjaya Bersama yang kemudian daripada ini disebut

sebagai "Suruhanjaya", untuk mempermudah pelaksanaan peruntukan-peruntukan Perjanjian ini dan untuk selanjutnya mengembangkan kerjasama ekonomi, saintifik dan teknikal di antara kedua-dua negara dalam bidang-bidang kepentingan dan faedah bersama dengan mengambil kira kebaikan-kebaikan serta juga kebolehan-kebolehan bandingan setiap Pihak Pejanji.

PERKARA VIII

Suruhanjaya hendaklah menimbangkan jalan-jalan dan cara-cara untuk menggalakkan dan meningkatkan kerjasama di antara kedua-dua negara dan untuk memastikan penyelarasan dan pelaksanaan sepatutnya akan keputusan atau syornya yang dibuat menurut Perjanjian ini.

PERKARA IX

Suruhanjaya hendaklah pada peringkat Menteri-Menteri Luar Negeri dan keanggotaan setiap perwakilan hendaklah ditentukan oleh Pihak-Pihak Pejanji masing-masing.

PERKARA X

Suruhanjaya hendaklah menentukan kaedah-kaedah dan prosedurnya dan boleh menubuhkan kumpulan-kumpulan kerja untuk menguruskan perkara-perkara tertentu yang

dibawa ke hadapannya.

PERKARA XI

Suruhanjaya hendaklah bermesyuarat tertakluk kepada persetujuan bersama, atas permintaan mana-mana satu Pihak Pejanji, secara bergilir-gilir di Peru dan di Malaysia.

PERKARA XII

Suatu mesyuarat pada peringkat Pegawai-Pegawai Kanan hendaklah mendahului mesyuarat Suruhanjaya yang hendaklah menimbangkan soal-soal tertentu dan membuat syor-syor yang sesuai berhubungan dengannya bagi pertimbangan Suruhanjaya. Tempat dan masa mesyuarat itu hendaklah ditentukan oleh Pihak-Pihak Pejanji.

PERKARA XIII

Mana-mana satu Pihak Pejanji boleh meminta secara bertulis sesuatu penyemakan atau pindaan kepada Perjanjian ini. Apa-apa penyemakan atau pindaan yang dipersetujui oleh kedua-dua Pihak Pejanji hendaklah diturunkan secara bertulis dan hendaklah menjadi sebahagian Perjanjian ini. Penyemakan atau pindaan sedemikian hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh

sebagaimana yang boleh ditentukan oleh kedua-dua Pihak Pejanji.

PERKARA XIV

Apa-apa perbezaan atau pertikaian yang berbangkit daripada tafsiran atau pemakaian peruntukan-peruntukan Perjanjian ini hendaklah diselesaikan secara terbaik-baik melalui perundingan atau urusbicara di antara Pihak-Pihak Pejanji tanpa rujukan kepada mana-mana pihak ketiga atau tribunal antarabangsa.

PERKARA XV

(1) Perjanjian ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh penandatanganan dan hendaklah tetap berkuatkuasa sehingga masa bila ia ditamatkan oleh mana-mana satu Pihak Pejanji dengan memberi kepada yang satu lagi notis bertulis, melalui saluran-saluran diplomatik tentang niatnya untuk menamatkan Perjanjian ini, sekurang-kurangnya enam bulan sebelum tarikh yang dicadangkan bagi penamatan.


(2) Penamatan Perjanjian ini tidaklah menyentuh apa-apa perjanjian atau pengakuan yang telah dibuat atau diikat semasa jangka masa Perjanjian ini

yang hendaklah dipenuhi mengikut peruntukan-peruntukan Perjanjian atau pengakuan Perjanjian sedemikian.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS, yang bertandatangan dibawah ini, yang diberikuasa sewajarnya oleh Kerajaan-Kerajaan mereka masing-masing, telah menandatangani Perjanjian ini.

DIBUAT di Kuala Lumpur pada tiga belas haribulan November 1991, dalam enam teks asal, dua dalam Bahasa Malaysia, dua dalam Bahasa Sepanyol dan dua dalam Bahasa Inggeris, kesemua teks sama sahinya. Sekiranya terdapat apa-apa perbezaan, teks Inggeris hendaklah mengatasi.


BAGI KERAJAAN
REPUBLIK PERU


BAGI KERAJAAN
MALAYSIA